

Membatal biasiswa - penunjuk perasaan

J-kuasa Kabinet akan teliti

BH 11 MAC 1975

KUALA LUMPUR, Isnin. — Sebuah Jawatankuasa Kabinet diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, akan bersidang tidak lama lagi untuk membincangkan soal menarik semula biasiswa dan dermasiswa bagi pelajar-pelajar yang menyertai demonstrasi pelajar Disember tahun lalu.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, menyatakan hari ini keputusan jawatankuasa itu akan diikuti oleh semua Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun.

"Semua Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun akan bertindak se-



DR. MAHATHIR

laras dengan ketetapan jawatankuasa tersebut mengenai sebarang hal para pelajar," katanya.

Bulan lalu, Datuk Hussein mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet itu, dengan beliau menjadi pengerusinya, bagi menentukkan langkah bagi mengatasi masalah pelajar dalam jangka singkat atau jangka panjang.

Dalam ucapannya merasmikan sebuah sekolah di

Batu Pahat bulan lalu, Timbalan Perdana Menteri berkata: "Pelajar-pelajar di institusi pelajaran tinggi menerima bantuan Kerajaan dalam bentuk biasiswa dan pinjaman, tetapi mereka telah dipengaruhi oleh sentimen anti-nasional."

Sementara itu seorang jurucakap MARA berkata bahawa surat akan dihantar kepada semua para pelajar yang mendapat biasiswanya yang terlibat dalam demonstrasi itu untuk meminta mereka menyatakan mengapa biasiswa tidak harus ditarik balik.

"Beberapa syarat telah kami kanakan bila memberi mereka biasiswa dan dermasiswa," katanya.

Menurut jurucakap itu satu daripada syarat itu ialah jika pemegang-pemegang biasiswa dan pinjaman menyertai kegiatan yang bertentangan dengan pelajaran mereka maka mereka akan kehilangan biasiswa atau pinjaman tersebut.